



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Sultan dan PM sama2 ketawa

■ BAGINDA Sultan Perak ketawa bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua kanan) diperhatikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamad Haji Wan Teh (kanan sekali) selepas Perdana Menteri dikurniakan Darjah Tertinggi Negeri Perak, Seri Paduka Cura Simanja Kini yang bergelar Datuk Seri, di Istana Iskandariah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, semalam.

Perdana Menteri ialah pemegang tunggal darjah tersebut sempena Keputeraan Baginda ke-57.

Istiadat penyampaiannya dilangsungkan secara tradisi dan diringi dengan gendang nobat yang berlangsung di Dewan Singgahsana Istana.

Istiadat berwarna warni tersebut dihadiri oleh 400 orang kenamaan, termasuk keluarga di raja dan orang kenamaan dan pembesar negeri. — Gambar Berita Harian.